



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN REKA BENTUK PENGAJARAN BERSISTEM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GEOGRAFI MURID TINGKATAN 2 SEKOLAH MENENGAH

EUIS MARIANI BT D. KOSWARA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN REKA BENTUK PENGAJARAN BERSISTEM DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GEOGRAFI
MURID TINGKATAN 2 SEKOLAH MENENGAH**

**EUIS MARIANI BT D. KOSWARA
2000-00167**



05-4506832



**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(REKA BENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI)**



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
APRIL 2005**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Mei 2005

EUIS MARIANI BT D. KOSWARA
200000167



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah kerana dengan hidayah dan taufiqNya dapat jua kajian ini disempurnakan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama kepada penyelia pertama Prof. Madya Dr. Abd. Latif B. Hj. Gapor yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan serta teguran yang bermanfaat dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Bhasah B. Hj. Abu Bakar dan Prof. Madya Dr. Yusup Hashim, yang sudi memberi nasihat, tunjuk ajar dan teguran membina terhadap penulisan kajian ini.

Terima kasih juga ditujukan khas kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah, Pekan, Pahang Darul Makmur yang telah memberi kebenaran menjalankan kajian di sekolah tersebut.

Ucapan terima kasih ini turut ditujukan kepada pelajar-pelajar yang memberi kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali terima kasih kepada suami tercinta, Ayob Bin Ibrahim dan buah hati intan payung Sayang Syahidah yang telah banyak memberi dorongan dan semangat serta iringan doa restu untuk menyempurnakan kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan pengajaran dalam mata pelajaran geografi yang menggunakan Rancangan Pengajaran Bersistem (RPB) dan pengajaran yang menggunakan Pengamalan Amalan Guru (PAG). Sampel kajian terdiri daripada 34 orang pelajar Tingkatan Dua yang dipilih berdasarkan pencapaian markah akhir tahun di sebuah sekolah menengah harian biasa di Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Pelajar ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu seramai 17 orang kumpulan eksperimen dan 17 orang kumpulan kawalan . Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan yang terdiri dari 20 soalan objektif yang dibina oleh penyelidik berdasarkan kepada objektif yang ditetapkan dalam rancangan pengajaran dan soal selidik berkenaan keberkesanan reka bentuk pengajaran. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya perbezaan pencapaian yang signifikan di antara kumpulan pelajar yang diajar menggunakan RPB dengan kumpulan pelajar yang diajar menggunakan PAG. Di samping itu juga terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian markah dengan pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P), juga terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian markah dengan pandangan pelajar terhadap media pengajaran.





Topic : The Effectiveness of Instructional Design System On Teaching And Learning Geography For Form Two Secondary School Students

ABSTRACT

This research was executed to examine the effectiveness of utilizing Systematic Teaching Program and 'Pengamalan Amalan guru' in the teaching of Geography. The research sample consisted of 34 Form Two Students from normal daily school in the District of Pekan, Pahang. The sample were chosen based on their achievement in the end of the year school based examination. The students were divided into two groups of 17 students each. One of the groups was a control group whereas the other one was an experimental group. Instrument utilized was 20 objective questions constructed by researcher based on the determined objective in the scheme of work. The result revealed that there were certain differences in term of achievement between the two groups utilizing the two techniques of teaching. Next, there was significantly correlated between the students' achievement and their peceiveness of the subjects and also there was significantly correlated between their achievement and the media used during lessons.





KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Persoalan kajian	5
1.5	Kepentingan kajian	6
1.6	Definisi Konsep	7
	1.6.1 Reka Bentuk Pengajaran	7
	1.6.2 Reka Bentuk Pengajaran Bersistem	7
	1.6.3 Pengajaran Amalan Guru (PAG)	7



1.6.4	Pengajaran Dan Pembelajaran	8
1.6.5	Media Pengajaran	9
1.7	Batasan Kajian	10

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	11
2.2	Teori Pembelajaran Dan Pengajaran	11
2.3	Komponen Asas Reka Bentuk Instruksional	14
2.3.1	Masalah Instruksional	16
2.3.2	Mengkaji Ciri-Ciri pelajar	16
2.3.3	Analisis Tugas	16
2.3.4	Objektif Instruksional	17
2.3.5	Urutan Isi Pelajaran	17
2.3.6	Strategi Instruksional	17
2.3.7	Reka Bentuk Mesej	18
2.3.8	Penyampaian Instruksional	18
2.3.9	Alat Penilaian	19
2.4	Tinjauan Kajian Lepas	20

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Kawasan Kajian	25
3.4	Populasi	25
3.5	Sampel	25
3.6	Perincian Pembinaan Lembaran Pengajaran	26
3.6.1	Rancangan Reka bentuk Instruksional	26
3.6.1.1	Instruksional	26
3.6.1.2	Ciri-Ciri Pelajar	26
3.6.1.3	Analisis Tugas	27
3.6.1.4	Objektif Instruksional	28
3.6.4.1.1	Objektif Umum	28
3.6.4.1.2	Objektif Khusus	29
3.6.1.5	Urutan Isi	33
3.6.1.6	Strategi Instruksional	35
3.6.1.6.1	Strategi Pertama	35
3.6.1.6.2	Strategi Ke Dua	36
3.6.1.6.3	Strategi Ke Tiga	36
3.6.1.6.4	Strategi Ke Empat	37
3.6.1.6.5	Strategi Ke Lima	37
3.6.1.6.6	Strategi Ke Enam	38

3.6.1.6.7	Strategi Terakhir	39
3.6.1.7	Reka Bentuk Mesej	40
3.6.1.8	Penyampaian Instruksional	40
3.6.1.9	Alat Penilaian	40
3.6	Alat Pengukuran	44
3.7	Pengumpulan Data	44
3.8	Pengolahan dan Penganalisan Data	44
3.9	Kesimpulan	45
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Pemerihalan Deskriptif	47
4.2.1	Pandangan Pelajar Kumpulan Eksperimen Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)	48
4.2.2	Pandangan Pelajar Kumpulan Eksperimen Terhadap Media Pengajaran	52
4.2.3	Pandangan Pelajar Kumpulan Kawalan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)	55
4.2.4	Pandangan Pelajar Kumpulan Kawalan Terhadap Media Pengajaran	59
4.2.5	Perbezaan Nilai Min Pandangan Pelajar Terhadap P&P Dan Media Diantara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan	62
4.3.	Analisis Inferensi	65

4.3.1	Perbezaan Pandangan Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Dan Pandangan Terhadap Media Bagi Pelajar-Pelajar Mengikut Kumpulan	67
4.3.2	Perbezaan Pencapaian Markah Diantara Pelajar PelajarYang Diajar Menggunakan RPB dengan Pelajar-PelajarYang diajar Menggunakan PAG	69
4.3.3	Perbezaan Pencapaian Markah Mengikut Jantina	70
4.3.4	Hubungan Antara Markah Ujian Pencapaian Dengan Pandangan Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Dan Markah Ujian Pencapaian Pelajar Dengan Media Pengajaran	73
4.4	Kesimpulan	74

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	75
5.2	Perbincangan dan Rumusan	76
5.2.1	Pandangan Pelajar Kumpulan Eksperimen Dan KumpulanKawalan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)	76
5.2.2	Pandangan Pelajar Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Terhadap Media Pengajaran.	79
5.2.3	Perbezaan Pencapaian Markah Mengikut Kumpulan Dan Jantina	80
5.2.4	Hubungan Antara Markah Ujian Pencapaian Dengan Pandangan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Dan Markah Ujian Pencapaian Dengan Media	81
5.3	Kesimpulan	82
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	83

LAMPIRAN A / B / C

JADUAL

Muka surat

Jadual 4.1	Pandangan Pelajar Kumpulan Eksperimen Terhadap P&P	48
Jadual 4.2	Pandangan Pelajar Kumpulan Eksperimen Terhadap Media Pengajaran	52
Jadual 4.3	Pandangan Pelajar Kumpulan Kawalan Terhadap P&P	55
Jadual 4.4	Pandangan Pelajar Kumpulan Kawalan Terhadap Media Pengajaran	59
Jadual 4.5	Min Pandangan Pelajar Terhadap P&P Mengikut Kumpulan	62
Jadual 4.6	Min Pandangan Pelajar Terhadap P&P Mengikut Kumpulan	64
Jadual 4.7	Keputusan Ujian t Perbezaan Pandangan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Kumpulan	67
Jadual 4.8	Keputusan Ujian t Perbezaan Pandangan Terhadap Media Mengikut Kumpulan.	68
Jadual 4.9	Keputusan Ujian t Perbezaan Markah Ujian Pencapaian Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	69
Jadual 4.10	Keputusan Ujian t Perbezaan Markah Ujian Pencapaian Berdasarkan Jantina Secara Keseluruhan	70



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 4.11	Keputusan Ujian t Perbezaan Markah Ujian Pencapaian Mengikut Kumpulan Eksperimen	71
Jadual 4.12	Keputusan Ujian t Perbezaan Markah Ujian Pencapaian Mengikut Kumpulan Kawalan	72
Jadual 4.13	Hubungan Markah Ujian Pencapaian Dengan Pandangan Pelajar	73



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



RAJAH

Muka surat

2.1	Teori Proses Pembelajaran Gagne	13
2.2	Components of the Instructional Design Plan (Model Kemp, 1998)	15
3.1	Reka Bentuk Posttest-Only Control Group Design	23





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Geografi ialah mata pelajaran teras di peringkat sekolah menengah rendah dan mata pelajaran elektif di sekolah menengah atas. Mata pelajaran ini bertujuan memberikan murid pengetahuan mengenai fenomena alam dan organisasi ruangan berasaskan interaksi manusia dengan alam sekitar fizikal dan alam sekitar manusia. Sebagaimana dinyatakan oleh John Mackinber (1861-1947) dalam (Nguai Kuan Sang, 1981) yang mendefinisikan Geografi sebagai satu kajian mengenai kaitan antara manusia dengan alam sekitarnya.

Kandungan sukatan pelajaran Geografi KBSM merangkumi kemahiran Geografi, Geografi Fizikal dan Manusia, dan kajian Geografi Tempatan., selaras dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan :

“..., bertujuan untuk melahirkan warga Negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara”.



Oleh itu kurikulum mata pelajaran Geografi yang disemak semula memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warga negara maju dan masyarakat berilmu. Bagi memahami konsep utama fenomena alam dan organisasi ruang pelbagai aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dilakukan termasuk kerja amali. Perkembangan kemahiran Geografi dan aplikasinya amat dituntut sekali, dalam hal ini Kemahiran Geografi (Bahagian A) dalam sukatan telah diperkenalkan sejak di Tingkatan Satu lagi yang diperkembangkan lagi idea dan konsepnya sesuai dengan kajian yang dibuat dalam topik-topik berikutnya di Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga. Salah satu topik dalam Kemahiran Geografi di Tingkatan Dua yang erat kaitannya dengan aspek keruangan adalah kedudukan berasaskan latitud (garisan lintang) dan longitud (garisan bujur) serta pengiraan waktu tempatan.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan pengalaman penyelidik mengajar subjek ini di Tingkatan Satu dan Dua selama tujuh tahun ramai pelajar di bawah bimbingan penyelidik agak sukar / lemah menguasai bahagian ini. Mereka sentiasa keliru dalam memahami konsep latitud dan longitud. Analisis yang penyelidik telah lakukan terhadap keputusan ujian satu (ujian 1) yang dijalankan pada bulan Mac tahun 2004 di tingkatan 2K1 dan 2K3 (kelas yang penulis ajar) di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah, Pekan menunjukkan pencapaian yang rendah dengan hanya 27% dari keseluruhan pelajar (22 orang daripada

81 orang pelajar) mencapai markah lebih dari 70%, manakala 73% (59 orang daripada 81 orang) mencapai markah kurang dari 70% .

Penyelidik memberi tumpuan kepada analisa soalan-soalan topik kedudukan dan pengiraan masa sahaja (bahagian kemahiran). Menurut Bloom (1956) aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) dikatakan berhasil sekiranya sebahagian besar murid-murid mencapai tahap penguasaan terhadap bahan yang diajarkan / dipelajari melebihi 75% dengan syarat dalam situasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) ini guru memahami prasyarat kognitif dan ciri-ciri sikap pelajar yang diperlukan untuk menghadapi pembelajaran.

Merujuk kepada hasil analisis penyelidik dalam ujian satu yang dilaksanakan pada bulan Mac tahun 2004 analisis menunjukkan pencapaian tahap penguasaan murid terhadap bahan yang dipelajari masih pada tahap yang rendah. Berdasarkan situasi tersebut maka dalam kesempatan ini penyelidik cuba mencari penyelesaian untuk meningkatkan pencapaian pelajar khususnya bagi mencapai tahap penguasaan melebihi 75% melalui penerapan Rekabentuk Pengajaran Bersistem (RPB) yang diubah suai dari Model Kemp (1998).

Menurut Kemp (1998) terdapat tiga situasi yang mungkin perlu kepada intervensi instruksi :

- i. Prestasi yang tidak mencapai tahap yang diharapkan.
- ii. Persekitan kerja yang berubah akibat daripada modifikasi dalam prosedur atau instalasi peralatan yang baru.
- iii. Syarikat atau industri yang menghadapi kekurangan bekalan tenaga kerja terlatih akibat perkembangan yang pesat.

Merujuk kepada apa yang dikemukakan beliau seperti di atas situasi yang pertama adalah amat sesuai dijadikan alasan penyelidik dalam usaha menghasilkan reka bentuk bahan pengajaran Geografi di Tingkatan Dua yang berkaitan dengan tajuk kedudukan bagi tema Kemahiran Geografi.

1.3 Objektif Kajian

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menyelidik keberkesanan suatu reka bentuk pengajaran yang bersistematik. Sehubungan dengan itu, objektif penyelidikan itu adalah seperti:

- i. Membina dan menilai keberkesanan Reka bentuk Pengajaran Bersistem (RPB) yang diubahsuai dari Model Reka Bentuk Pengajaran Efektif Jerrold E.Kemp et al. (1998) yang dibandingkan dengan Pengajaran Amalan Guru (PAG).
- ii. Untuk melihat sama ada terdapatnya perbezaan pencapaian pelajar yang diajar melalui ke dua-dua jenis pengajaran iaitu yang menggunakan RPB dengan Pengajaran Amalan Guru (PAG).
- iii. Untuk melihat hubungan pencapaian markah pelajar dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam reka bentuk pengajaran yang diubah suai dari model Kemp.

1.4 Persoalan Kajian

Secara khususnya penyelidikan ini dijalankan untuk mencari jawapan iaitu, sejauh manakah keberkesanan Reka Bentuk Pengajaran Bersistem (RPB) ke atas pencapaian pelajar-pelajar Tingkatan Dua dalam mata pelajaran Geografi berbanding Pengajaran Amalan Guru (PAG). Oleh itu supaya lebih jelas lagi maka persoalan kajian ini penyelidikan rumuskan seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan media pengajaran antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan ?
- ii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian markah antara pelajar-pelajar yang diajar menggunakan Reka Bentuk Pengajaran Bersistem (RPB) berbanding dengan pelajar-pelajar yang diajar menggunakan Pengajaran Amalan Guru Biasa (PAG)?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian markah antara pelajar-pelajar yang diajar menggunakan Reka Bentuk Pengajaran Bersistem (RPB) berbanding dengan pelajar-pelajar yang diajar menggunakan Pengajaran Amalan Guru Biasa (PAG) mengikut jantina ?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara pencapaian markah dengan pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan terhadap media pengajaran ?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapatannya boleh menentukan keperluan membina dan menggalakkan pengamalan pengajaran yang berlandaskan kepada model-model reka bentuk yang bersistematik di bilik darjah.

Pendekatan amalan pengajaran berlandaskan kepada model reka bentuk pengajaran yang sistematik mungkin dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru, kerana kebanyakan model reka bentuk pengajaran sekarang lebih mudah, praktikal, sistematik dan dilandasi dengan prinsip-prinsip kognitif, pemprosesan maklumat, dan komunikasi terkini yang sesuai digunakan bagi program pembelajaran di bilik darjah.

Selain itu kajian ini juga penting bagi melihat hubungan pencapaian markah dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam reka bentuk pengajaran model Kemp selaras dengan perkembangan teknologi yang boleh mempengaruhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah.

1.6 Definisi Konsep

1.6.1 Reka Bentuk Pengajaran

Reka bentuk pengajaran merupakan satu set prosedur membuat keputusan dimana strategi pengajaran yang paling berkesan dibina atau dipilih untuk pelajar-pelajar mencapai hasil pembelajaran, Reigeluth (1983) dalam Ismail Md Zain (1994).

1.6.2 Reka Bentuk Pengajaran Bersistem

Reka Bentuk Pengajaran Bersistem (RPB) merupakan satu pendekatan pengajaran bersistem yang dibina oleh penyelidik untuk mereka bentuk isi pelajaran bagi satu topik dalam Kemahiran Geografi bagi mata pelajaran Geografi Tingkatan Dua. Reka bentuk pengajaran ini diubah suai daripada model Jerrold E. Kemp et al., (1998).

1.6.3 Pengajaran Amalan Guru (PAG)

Pengajaran Amalan Guru (PAG) merujuk kepada pengajaran yang diamalkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka dalam bilik darjah berdasarkan buku teks dan panduan-panduan am dari pelbagai sumber atau dengan cara kelaziman. Perbezaannya dengan RPB ialah PAG tidak mempunyai satu keseragaman dalam mereka bentuk pengajaran (Ismail Md Zain, 1994).

1.6.4 Pengajaran Dan Pembelajaran

i. Pengajaran

Pengajaran boleh diartikan sebagai suatu proses pemindahan ilmu kepada pelajar yang dilakukan oleh guru atau bukan guru seperti komputer, televisyen dan seumpamanya. Proses ini merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub, 2003).

ii. Pembelajaran

Menurut Horton dan Turnhage (1967) dalam Wan Zah Wan Ali (2000) Pembelajaran ialah apa sahaja yang dilakukan oleh manusia yang matang, atau sesuatu yang mampu dilakukan olehnya, boleh dianggap sebagai hal daripada pembelajaran. Manakala Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub (2003) menjelaskan pembelajaran merupakan proses dimana individu mengubah sikap dan tingkah laku mereka untuk berkembang secara berterusan

dan tekak serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk kemajuan diri sendiri khasnya dan masyarakat atau negara amnya.

1.6.5 Media Pengajaran

i. Media

Media adalah suatu perkakasan yang boleh dijadikan perantara dalam menyampaikan sesuatu maksud atau tujuan. Yusup Hashim (1997) mendefinisikan :

“.....sebagai peralatan dan bahan (perisian) media yang dibina dan dirancang untuk tujuan menyampaikan maklumat atau pengetahuan”.

ii. Media Pengajaran

“.....media pengajaran membawa maksud sebagai peralatan atau perkakasan dan bahan (perisian) media yang telah dikenal pasti (dipilih), dibina atau dipinda untuk menyokong atau mengendalikan sendiri proses pengajaran dan pembelajaran”.

(Yusup Hashim, 1997)

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dihadkan pada aspek membina dan menilai keberkesanan pengajaran bersistem atau Reka Bentuk Pengajaran Bersistem (RPB) yang hasilnya akan dibandingkan dengan Pengajaran Amalan Guru (PAG). Pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan media pengajaran juga dikaji bagi melihat hubungan prinsip-prinsip yang terdapat dalam reka bentuk pengajaran yang diubah suai dari model Kemp.

Kajian ini juga dihadkan kepada sekolah menengah harian biasa iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah, Pekan, Pahang Darul Makmur, dengan tumpuan kepada satu topik kecil dalam subjek Geografi Tingkatan Dua, oleh itu kemungkinan keberkesanan model ini bagi mata pelajaran lain tidak dapat di ketahui.